



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 13/2020

STATUS KESIHATAN SAHIBUS SAMAHAH TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA MUFTI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

1. Alhamdulillah dan sukacita dimaklumkan bahawa Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan berada dalam keadaan yang stabil dan bertambah baik. Beliau kini dalam pemantauan di bawah perhatian doktor pakar di Unit Rawatan Rapi.
2. Demi memastikan keadaan kesihatan Tan Sri lebih terjamin, pakar perubatan menasihatkan agar Tan Sri dapat berehat secukupnya dan disarankan hanya ahli keluarga yang terdekat sahaja dibenarkan untuk menziarahi beliau.
3. Adalah diharapkan kepada umat Islam negeri Perak dapat mengadakan solat sunat Hajat, bacaan Yasin dan berdoa agar kesihatan Tan Sri Harussani beransur pulih. Perkara ini dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika menziarahi pesakit dengan berdoa :-

"اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ، أَذْهِبِ الْبَاسَ، اشْفِهِ وَأَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ،
شِفَاءَ لَا يُغَادِرُ سَقَمًا".

(Wahai Tuhan sekalian manusia, hilangkanlah kesakitan, sembuhkanlah dia dan Engkaulah maha menyembuhkan, tiada kesembuhan melainkan dari-Mu, kesembuhan yang tidak menyebabkan akibat buruk).

Sahih al-Bukhari (5743)

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

6 MUHARAM 1442H (SELASA) / 25 OGOS 2020M